

# Cegah denggi, jaga kebersihan setempat

Sebanyak 85,270 kes denggi dilaporkan tahun ini

KUALA LUMPUR

Masyarakat digesa memberi penekanan kepada aspek penjagaan kebersihan setempat dengan sentiasa meneruskan amalan gotong-royong bagi mencegah penularan penyakit seperti denggi, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, umum sedia maklum mengenai kes denggi yang semakin meningkat jika tidak dikawal.

Dr Wan Azizah menjelaskan terdapat 85,270 kes denggi yang dilaporkan dari Januari hingga 17 Ogos tahun ini, iaitu peningkatan sebanyak 38,726 kes (83.2 peratus) berbanding tempoh yang sama tahun lepas. "Jangan tunggu sehingga sesuatu musibah me-



Dr Wan Azizah (dua dari kanan) bersama sukarelawan dan penduduk Pangsapuri 610 melakukan gotong-royong sempena Kempen Cegah Denggi di Pangsapuri 610, Pandan Indah semalam.

nimpa ahli keluarga kita untuk mengambil tindakan. Ini adalah kediaman anda, maka jagalah kebersihan dan keselamatannya," katanya ketika berucap pada program 'Gotong Royong Cegah Denggi' di Pangsapuri 610 dekat Ampang semalam.

Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, kebiasaannya peningkatan kes denggi di sesuatu kawasan berpunca daripada sikap individu yang

kurang menjaga kebersihan.

Sehubungan itu, beliau mahu komuniti setempat mengambil sikap bertanggungjawab untuk menjaga persekitaran melalui aktiviti gotong-royong.

"Aktiviti gotong-royong tidak bermaksud mendapatkan orang luar untuk datang membersihkan kawasan kediaman. Ia bermaksud ahli masyarakat sesuatu tempat bekerjasama untuk menjaga kebersihan tempat itu," katanya.

Beliau turut menasihati ibu bapa agar mendidik anak-anak mereka sejak kecil lagi mengenai kepentingan menjaga kebersihan.

Pada program anjuran Parlimen Pandan dan Rcomm Lestari itu, Dr Wan Azizah turut menyertai penduduk pangsapuri berkenaan mengutip sampah-sarap serta membersihkan longkang selain mengambil kesempatan beramah mesra dengan mereka. - Bernama